

# Sebabnya pelawaan dibuat kepada PAS di khalayak umum

**A**MINAH-AMINAH, Doktor salah satu perubahan yang Dr. bawa yang paling mengejutkan orang ramai ialah perubahan sikap antara Barat dengan Timur. Jadi banyak orang yang bimbang, tapi lagi banyak pula orang yang syok. Soalnya saya ingin tahu lebih lanjut lagi setakat manakah yang kita selama ini terlalu mendewa-dewakan Barat. Dan apakah nilai-nilai Timur yang harus kita contohi.

Dr. Mahathir - Untuk mengetahui setakat mana yang kita menghargai Barat kita boleh buat ukuran daripada bilangan penuntut-penuntut kita yang berhijrah ke Barat untuk mendapatkan pelajaran. Di waktu ini kita mempunyai 49,000 penuntut dari Malaysia yang sedang berada di Barat untuk mempelajari berbagai kursus dan lain-lain ilmu pengetahuan.

Bilangan ini jauh lebih ramai daripada yang berada di dalam universiti-universiti dalam negeri sendiri. Sebaliknya kita dapati di sebelah timur pula umpamanya di Negeri Jepun cuma berada dalam 200 lebih sedikit sahaja penuntut kita.

Di Korea tidak ada langsung dan baru-baru ini kita dapati bahawa di Manila ada 150 orang. Jadi berbanding antara

dua ini nampak betul bahawa kita terlalu sangat mirip ke Barat. Jadi ini pada pendapat saya tidak merupakan satu imbalan antara Barat dengan Timur.

Sedangkan kita tahu bahawa Timur juga mempunyai ilmu pengetahuan dan kebolehan yang tidak kurang daripada yang terdapat di negeri-negeri Barat. Bahkan kita dapati bahawa beberapa negeri Timur sekarang ini jauh lebih maju daripada negara-negara Barat. Sebab itu kita harus memberi perhatian kepada Timur.

## Sikap

Zainol Fakir - Berca- kap tentang sikap Doktor, kita dapati bahawa ada di kalangan rakyat Malaysia yang menunjukkan sikap yang janggal terhadap rancangan pem-

bangunan yang telah di- jalankan oleh kerajaan.

Umpamanya kita tidak dapat lari dari melihat beberapa kerat masyarakat yang sering mentafsir pembangunan mengikut selera dan kemahuan sendiri.

Umpamanya ada rancangan pembangunan kerajaan dikatakan menguntungkan satu kaum. Umpamanya bangunan yang tinggi itu dikatakan tidak menguntungkan orang Melayu, meskipun mereka tahu terdapat puluhan malah ratusan orang Melayu bekerja dalam bangunan itu. Dalam pada itu ada pula orang-orang yang tafsirkan bahawa pembangunan yang dijalankan oleh kerajaan itu merampas hak sesuatu kaum untuk kepentingan kaum lain.

Di samping itu ada pula orang berkata bahawa rancangan pembangunan kerajaan ini memperkayakan orang yang sudah kaya dan memiskin orang yang miskin. Tetapi yang mendukacitakan ada pihak pula yang mengatak- kan bahawa rancangan pembangunan kerajaan

ini tidak dituntut oleh agama, malah ia akan menimbulkan gejala-gejala sosial yang boleh melekakkan akidah Islam dengan orang-orang Melayu. Bagaimana tafsiran Doktor terhadap soalan itu?

Dr. Mahathir - Saya tidak bersetuju bahawa rancangan kerajaan ini bertentangan dengan agama. Sebenarnya dia- nya dituntut oleh agama. Kita tahu di zaman da- hulu negara-negara Islam menjadi negara yang maju dan terdapat pem- bangunan yang pesat di negara-negara Islam se- hingga mereka menda- huli negara-negara lain di dalam bidang pem- bangunan bahkan pem- binaan.

Sebab itu kita dapat lihat berbagai bangunan- bangunan di negara- negara Islam yang se- hingga sekarang ini dia- kui sebagai yang teristi- mewa sekali umpamanya terdapat Al Hambra dan juga Taj Mahal dan se- bagainya. Itu adalah bukti kejayaan orang- orang Islam dan ini tidak bercanggah dengan aki- dah mereka. Mereka ma-

sih percaya kepada agama Islam.

## Dakwaan

Apa yang kita cuba buat di negara kita ini ialah untuk mengadakan pembangunan yang seimbang dengan pem- bangunan yang terdapat di negara-negara lain.

Kalau kita tidak mempunyai pengetahuan tentang pembangunan ini maka sampai bilapun kita terpaksa meminta-minta daripada orang lain. Umpamanya kita tahu apa- bila sebuah negara Islam berperang dengan Ya- hudi umpamanya, me- reka terpaksa mengemis, meminta daripada ko- munis dan kalau komunis tidak beri, meminta pula daripada negara-negara Barat dan kalau tak di- beri maka mereka mem- buat dakwaan tentang tidak ada kerjasama daripada orang ini. Te- tapi mengapakah mereka perlu kerjasama dengan kita.

Sebenarnya semua ini patut dibuat oleh kita sendiri dan untuk mengadakan semua ini kita perlu mengadakan keupayaan dan fahaman

tentang pembangunan secara moden. Walaupun kita membuat bangunan yang tinggi ini bermakna kita menyerap satu daripada pengetahuan yang perlu dalam bidang membina satu binaan. Dan kalau tidak ada pengetahuan tentang ini kita tidak mungkin mempertahankan negara kita kalaulah diperlukan kita membina satu tembok yang besar umpamanya untuk mempertahankan negara kita.

Bukan saja itu tetapi dalam bidang membuat jentera-jentera semua ini adalah penting dan apa yang kita buat ini ialah menambah pengalaman, pengetahuan dan ilmu di kalangan orang-orang kita supaya keupayaan mereka mempertahankan agama mereka menjadi nyata dan memang berkesan. Itu yang dibuat dan ini sudah tentu tidak bercanggah dengan agama kita bahkan disuruh oleh agama kita.

Adibah Amin - Saya bimbang tentang kedudukan wanita kita. Boleh saya tanya saya rasa kedudukan wanita di negeri ini sudah cukup elok sungguhpun harus diperbaiki beberapa perkara. Saya tidak fikir kita harus mencontohi mana-mana negara baik di Barat atau di Timur, sebab di Barat sudah merepek sangat,

orang tua dan bilangan kanak-kanak maka bilangan orang Islam di negara ini akan menjadi begitu kecil dan ini sudah tentu akan melemahkan kita.

Sebab itu kita berkehendak kepada tenaga wanita bukanlah di dalam semua bidang tetapi di dalam bidang-bidang yang benar-benar mereka berkebolehan tidak ada sebabnya yang mereka tidak harus mengambil bahagian.

Bahkan kalau kita baca sejarah perjuangan Islam pun ada kalanya yang wanita juga menolong kaum lelaki dalam peperangan. Jadi apa yang kita buat di sini bukan sahaja tidak bertentangan dengan agama Islam bahkan dikehendaki oleh agama Islam.

Zainol - Bercakap tentang sikap Doktor suatu masa dulu kita pernah mencurigai sikap di kalangan belia-belie kita yang terlalu meniru apa yang dibuat di Barat. Umpamanya suatu masa dulu kita dapati bahawa ramai di kalangan belia-belie kita yang berlagak macam hippie.

Tapi sekarang ini kita dapati bahawa trend, macam ada satu perubahan pula. Rambut panjang itu digantikan pula dengan serban dan kita dapati bahawa ramai di kalangan belia-belie kita tertarik

masyarakat, mereka menjadi 'anti establishment' dan apa yang establishment buat maka mereka tidak akan buat. Kalau establishment rambut pendek maka mereka rambut panjang. Kalau orang establishment pakai neck-tie maka mereka tidak pakai neck-tie. Bahkan ada yang berpendapat, bahawa kasut pun tidak perlu dipakai. Itulah sebabnya yang mereka menjadi hippie.

Tetapi orang kita ini meniru tanpa mengetahui sebab-sebabnya. Keadaan itu tidak berlaku di sini. Kita tak suruh orang kita pergi perang di Vietnam. Jadi tiada sebabnya yang dia nak jadi hippie. Tetapi kerana selalunya dianggap apa yang dibuat di Barat itu sebagai suatu yang moden, yang patut ditiru, mereka tiru, tak faham pun umpamanya menyimpan rambut afro.

Menyimpan rambut afro ini dibuat di Amerika kerana perasaan mereka bersalah kerana dahulu menyimpan hamba daripada orang-orang Negro. Jadi untuk menunjuk bahawa mereka dengan orang Negro adalah sama, maka mereka cuba mengadakan rambut ala orang-orang Afrika. Jadi itu sebagai satu percubaan menunjuk bahawa ada persa-

skliling bukan begitu, jadi tak perlulah kita mengadakan ini. Tetapi kalau orang nak buat ini kerana sunat, itu boleh dibuat secara sunat tetapi bukan wajib.

Zainol - Percanggahan terhadap agama pada hemat saya berpunca daripada kegelisahan kerana adanya fahaman politik yang berbeza-beza. Hal ini dapat dilihat dengan jelas di negeri-negeri yang terdapat persaingan politik antara UMNO dengan PAS.

Umpamanya di negeri-negeri Kelantan, Kedah kita dapati perkara-perkara yang remeh-remeh jadi isu pertengkaran dan kadangkala apabila dekat dengan sesuatu musim umpamanya terdapat percanggahan pendapat dalam satu-satu hal. Kita rasa untuk mengelakkan percanggahan ini adalah elok kalau PAS kembali ke Barisan Nasional. Dan baru-baru ini Doktor telah mengajak PAS untuk kembali ke Barisan Nasional demi kepentingan bangsa, agama dan tanahair.

Tiba-tiba pemimpin-pemimpin PAS masih meragui ajakan Doktor itu. Seolah-olah mereka mengatakan semacam pelawa ayam sahaja dan bagaimanakah penjelasan Doktor, tentang penguaman ini.

bangunan daripada minyak cuma untuk membuat bangunan-bangunan yang hebat-hebat yang tidak mendatangkan faedah pada kita cuma cantik saja.

Seperti dulu kita akan tugu yang besar-besar. Di setengah-setengah negeri kita buat itu ini untuk perhiasan. Itu memang bila habis minyak habislah kita. Tetapi sekarang ini daripada hasil minyak kita melabur dalam perusahaan berat, dan perusahaan yang berasas kepada bahan mentah yang ada dalam negara kita.

Jadi bila habis minyak perusahaan ini masih berjalan dan daripada perusahaan ini kita akan mendapat hasil. Kita tak bergantung kepada satu mata pencarian sahaja. Kita juga telah diversify ekonomi kita daripada dulu bergantung kepada getah dan bijih sekarang ini kita ada kelapa sawit, kita ada koko, kita ada minyak bahkan kita ada logam copper dan lain-lain lagi yang semuanya akan memberi hasil kepada negara kita yang mencukupi walaupun 20 tahun lagi ataupun 40 tahun lagi minyak sudah habis. Jadi perkara itu saya tidak khuatir sama sekali.

Zainol Bakir - Bercakap tentang prestasi pim-

yang di Timur pula saya rasa di beberapa negara agak mundur kedudukannya.

Dan satu perkara saya takut ialah interpretasi Islam bukan Islamnya tetapi interpretasi Islam di beberapa negara lain mungkin menolak kemajuan wanita yang sudahpun kita capai di negara ini.

Dr. Mahathir - Saya berpendapat bahawa apa yang dilakukan di dalam negara kita ini adalah satu yang tidak bertentangan dengan kehendak agama Islam kerana wanita di dalam negara kita ini memainkan satu peranan yang besar. Kalau kita perhatikan bilangan orang-orang kita dalam negara ini tidaklah begitu ramai. Kita mempunyai 14 juta manusia. Di antara 14 juta ini barangkali 7 juta yang beragama Islam.

## Tenaga

Kalau kita berkata bahawa wanita Islam tidak perlu mengambil bahagian di dalam segala kegiatan dengan serta merta kita mengasingkan 31/2 juta jadi mengurangkan tenaga kita daripada 7 juta kepada 31/2 juta. Dan kalau kita kurangkan juga bilangan

dengan pakalan ala Timur Tengah.

Dalam pada itu ada kumpulan-kumpulan pula yang mendakwa bahawa diri mereka ini lebih Islam daripada orang Islam yang lain dengan pakalan begitu. Jadi, apakah dari pandangan Doktor

Doktor faktor-faktor yang mendorong mereka buat demikian? Dan adakah pula ini menunjukkan bahawa terdapat satu macam kebangkitan Islam di kalangan jiwa orang-orang muda kita.

Dr. Mahathir - Sebenarnya meniru bukanlah sesuatu perkara yang tidak baik, asalkan kita meniru benda yang baik dan kita tahu apa dianya yang kita tiru itu dan apa asas-asasnya. Tiruan cara hidup hippie umpamanya dibuat tanpa memahami sebab-sebab ada hippiesm. Happiesm ini wujud di Barat kerana masyarakat di situ sudah hilang haluan, tidak ada kepercayaan lagi dan mereka didedah kepada kemungkinan mereka dipaksa berperang di dalam sesuatu peperangan yang mereka tidak boleh menang.

Dengan cara itu dalam keadaan tak tentu arah, mereka cari satu jalan yang berbeza daripada

maan antara putih dengan hitam. Dan mereka berkata "black is beautiful", dan sebagainya. Tetapi kita tidak ada orang Negro di dalam negara kita.

Apa sebabnya kita nak buat begitu. Tetapi kita tiru tanpa tahu sebab. Begitu juga dengan pakalan berjubah, berserban ini dianya bukanlah semestinya menjadi tanda keislaman. Sebenarnya jubah dipakai oleh orang-orang yang bukan Islam pun di Timur Tengah. Serban juga dipakai oleh orang-orang Kristian Arab. Jadi ia juga pakai serban. Tetapi kita tidak tahu sebab dia pakai serban dan kitapun tiru pakai serban juga.

Serban ini dipakai di tanah Arab kerana serban itu berguna dalam padang pasir. Bila ada angin tiup pasir ke muka, kita boleh tutup muka kita dengan serban. Kalau kita nak bawa barang kita boleh bungkus dengan serban. Kalau kita nak tapis air kita boleh tapis dengan serban. Serban itu berguna dalam kebudayaan tempatan.

Tetapi di dalam negara kita ini keadaan alam

Dr. Mahathir - Saya buat jemputan itu atas oranglah nak buat nilai. Saya tidak dapat nak buat komen. Itu bergantung pada orang lainlah. Orang yang berkenaan kalau dia terima saya sebagai serius, benda ini boleh jadi serius. Tetapi kalau dia tak hendak saya tak boleh paksa. Saya bukan ada kuasa nak paksa. Cuma saya buat pelawaan. Mungkin saya buat di hadapan orang ramai. Kalau tak buat di hadapan orang ramai orang kata saya tak buat. Yang itupun jadi masalah juga.

Guan Kuan Hoe  
Mengenai pembangunan yang pesat sekarang ini ada setengah orang berasa bahawa teras ataupun force pembangunan ini akan habis kalau minyak kita habis dicarigali. Apa pula pandangan Doktor.

Dr. Mahathir - Saya percaya bahawa tempoh pembangunan ini akan menjadi lebih pesat dalam masa-masa akan datang, sama ada minyak kita habis atau tidak kerana kita mengadakan rancangan untuk menanam modal daripada minyak kita memasukkan dalam industri. Kalau kita mengambil keunt-

pinan doktor kita dapati bahawa meskipun pimpinan Doktor itu adalah singkat tetapi yang dicakap-cakap di dalam dan di luar negeri saya terjumpa satu tulisan oleh seorang Arab yang mengatakan doktor adalah satu pemimpin yang dijanjikan oleh Tuhan kepada rakyat Malaysia. Antara lain disebut Doktor tidak minum arak dan tidak hisap rokok. Itulah nilai-nilai kualiti yang disebutkan tadi.

Tetapi apa yang menarik perhatian saya ialah pimpinan Doktor yang singkat ini ialah tentang pendekatan politics of unpopularity yang digunakan oleh doktor. Ini berbanding dengan pemimpin-pemimpin yang lain, seperti Tunku Abdul Rahman Allahyarham Tun Abdul Razak, Tun Hussein Onn yang menggunakan politics popularity di mana setiap kenyataan dan setiap rancangan mereka sekaligus mendapat sokongan rakyat.

Dr. Mahathir - Sebenarnya ada unsur-unsur populariti juga di dalam apa yang saya buat itu. Mungkin tidak kepada orang yang terkena tetapi kepada orang lain dia berasa ini satu popular

moves umpamanya ramai orang berpendapat bahawa kalau pegawai kerajaan kerja lebih awal dan balik lebih akhir walaupun tak popular kepada pegawai tetapi popular kepada orang ra-

## Kritik

mai. Jadi tak mungkin kita jadi popular kepada semua orang.

Saya tidaklah tumpukan sangat kepada soal populariti ini tetapi populariti perlu kerana kita hidup dalam sebuah negara yang demokratik yang mana untuk mengekalkan kuasa kita perlu popular.

Jadi tidaklah tepat kalau dikatakan, saya membelakangkan populariti atau politik saya politic of unpopularity. Samalah saya dengan Tunku Abdul Rahman, Tun Razak dan Tun Datuk Hussein. Nampak saja berlain.

Zainol Fakir - Satu masa dulu Doktor, kita pernah agak kelam kabut mendengar kritik-kritik daripada golongan bukan

Melayu yang mengatakan bahawa rancangan dasar pembangunan ekonomi kerajaan itu tidak menguntungkan mereka. Tetapi di akhir-akhir ini kita nampak bahawa kritikan itu agak lenyap. Adakah mereka sudah puas hati dengan rancangan pembangunan yang dijalankan oleh kerajaan.

Dr. Mahathir - Sebenarnya kritik yang dibuat terhadap Dasar Ekonomi Baru ini berasaskan kepada kurang faham tentang tafsiran Dasar Ekonomi Baru. Dasar Ekonomi Baru ini bertujuan untuk menolong semua kaum tetapi sudah tentu untuk menolong menyamakan yang tidak sama kita perlu menolong yang rendah supaya naik ke atas; ataupun kita menekan yang atas supaya turun ke bawah iaitu tidak mungkin.

Sebab itu ternampak seolah-olah kita memihak kepada satu kaum, tetapi itu dibuat semata-mata untuk meningkatkan kaum itu supaya sama

dengan kaum yang lain dan setelah kita jelaskan apa yang kita buat ini, saya dapati bahawa mereka yang sudah berada berpendapat bahawa ini memang wajar dan cuma mengambil masa sedikit untuk membuat adjustment kepada keadaan yang baru.

Perbezaannya tidak sangat daripada apa yang berlaku di lain-lain negara yang mana terdapat perbezaan antara kelas yang mana dulu didapati bahawa pekerja tidak dibayar gaji yang baik dan sebagainya. Jadi dengan kerana itu ada usaha untuk menaikkan pendapatan pekerja dan ini sekarang diterima sebagai perkara biasa dan sebagai satu keadilan.

Begitu juga Dasar Ekonomi Baru setelah diterangkan apa maksudnya Dasar Ekonomi Baru itu dan bagaimana ianya tidak mengurangkan kepentingan pihak-pihak yang lain mereka sedia menerima. Saya dapati bahawa mereka

sekarang ini menyatakan kesanggupan untuk bekerjasama dalam konteks pelaksanaan dan kejayaan DEB.

Guan Kuan Hoe - Setelah Doktor menjadi Perdana Menteri tahun lalu Doktor pernah berkata, Doktor meminta rakyat menghakamkan prestasi pentadbiran Doktor dalam setahun, tapi nampaknya tak cukup setahun Doktor dah mengatakan pilihanraya, jadi apakah sebabnya.

## Mandat

Dr. Mahathir - Kita mengadakan pilihanraya pada waktu ini kerana kita berpendapat bahawa kita perlu mendapat mandat daripada rakyat sama ada setakat ini rakyat menyokong kita atau tidak. Ini akan membolehkan kerajaan mengambil tindakan susulan terhadap segala apa yang telah kita buat hingga sekarang ini.

Selain daripada itu juga masa untuk pilihan-

raya ini terhad. Ianya tak boleh buat pada bulan puasa, tak boleh dibuat pada masa raya, tak boleh dibuat pada masa perayaan kemerdekaan macam-macam lagi, sebab itu suratkhbar semua dapat meneka waktu mana kita akan adakan pilihanraya.

Jadi nampaknya pada tahun ini yang sesuai ialah bulan April, jadi sebab itulah kita mengadakan pada bulan April. Kalau kehendak saya saya nak tunggu tahun 1983, tetapi untuk tunggu sehingga tahun 83, mungkin saya nak buat itu dan ini, diamat terpengaruh dengan apa kesannya terhadap pilihanraya. Saya hendak selesaikan masalah pilihanraya ini supaya dapat saya tumpukan perhatian kepada cara-cara dan pelaksanaan dasar.